



Ruj. Kami : KUDR/TNBS/A/06/24/0003 (13)
Ruj. Tuan : TNB(B)PERA/ASIT/MSVT4890
Tarikh : 03 Julai 2024

Tenaga Nasional Berhad
Wisma Tenaga Nasional Berhad,
Jalan Lahat,
30200 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
(u.p: En Mohammad Rosdi)

Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN
MENJALANKAN KERJA MSVT - PENUKARAN KABEL 70MMP
PILC KEPADA 150 MMP XLPE DI ANTARA PATOD MATANG
ACHEH KE PATOD MATANG RAJA**
PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (JKR MANJUNG)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kebenaran laluan Izin lalu pihak tuan telah mendapat kelulusan sebagaimana berikut:

BIL.	NAMA JALAN	PBM/PBT	JUMLAH (RM)
1.	Jalan Seri Manjung-Changkat Jering FT060 & Jalan Matang Acheh A204	JKR MANJUNG	RM 90,700.00 (Deposit Keselamatan 100% Dalam Bentuk Jaminan Bank) *Di Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Perak*

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakannya kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans **“Contractor’s All Risk”** yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam sepertimana yang dinyatakan di **Jadual 2** untuk menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari **Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / “Defected Liability Period” (DLP)**. Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*) **Kerajaan Persekutuan/ Negeri, Jurutera Daerah JKR berkenaan serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.**





Ruj. Kami : KUDR/TNBS/A/06/24/0003 (13)
Tarikh : 23 Julai 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN
MENJALANKAN KERJA MSVT - PENUKARAN KABEL 70MMP
PILC KEPADA 150 MMP XLPE DI ANTARA PATOD MATANG
ACHEH KE PATOD MATANG RAJA**
PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (JKR MANJUNG)

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran caj perkhidmatan bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan Invois **QT-06-0003** bertarikh **25 Jun 2024** untuk tindakan selanjutnya pihak Tuan/Puan.

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Jabatan Kerja Raya Perak seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin laluan ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan (**180 hari**) sahaja dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu membuat permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Adalah diingatkan bahawa pihak Tuan/Puan boleh didakwa mengikut Akta 333 (Akta Pengangkutan Jalan 1987), Seksyen 40 dan dibawah Seksyen 85 Undang-Undang Malaysia sekiranya kerja-kerja tersebut dilakukan tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Jalan.

9. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **En Wan Mohd Fakrullah Bin Wan Mohd Fakri** di talian **017-9076802** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan terima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/16072024/Koridor/Wan

